



### *Peraduan Pembacaan Qur'ān Peringkat Kebangsaan yang Bersejarah*

*Bagi pertama kalinya Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengadakan Peraduan Pembacaan Qur'ān Peringkat Kebangsaan secara rasmi, yang telah berlangsung di Stadium Merdeka Kuala Lumpur, pada bulan Ramadan al-Mubārak.*

*Dalam ucapannya pada malam pembukaan, Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman berkata, bahawa peraduan ini ialah suatu peristiwa yang bersejarah, kerana sepanjang yang diketahui belum ada sebuah negara Islam yang telah mengadakan Peraduan Pembacaan Qur'ān Peringkat Kebangsaan. Tengku menyatakan lagi peraduan ini akan diadakan pada tiap-tiap tahun dan mungkin<sup>1</sup> negara-negara Islam yang lain akan mengambil bahagian.*

*Keputusannya: Johan lelaki: En. Abdul Hamid bin Desa (Kedah), naibnya En. Ishak (Pulau Pinang). Johan perempuan pula ialah: Cik Saodah (Perlis,) naibnya Cik Zahrah (Kelantan).*

*Gambar atas: Dua buah Qur'ān yang bertulis tangan dan bersalut emas dan piala-piala yang telah direbut oleh Johan dan Naib Johan.*

<sup>1</sup> Mungkin



*Qari-qari dan qariah-qariah sedang melawat ke rumah Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman*

*Putra al-Haj bawah: penuntut-penuntut yang telah membanjiri Stadium Merdeka selama lima malam berturut-turut, sedang asyik*

*mendengar bacaan Qur'ân yang merdu dari peserta-peserta yang ditempatkan pada "balai bacaan" yang kelihatan terang-benderang*

*di tengah-tengah padang itu.*

